

**SYARAT – SYARAT PENYEDIA PERKHIDMATAN PARKIR (SMART CONTACTLESS PARKING)**

1. Segala kos pembangunan sistem perkhidmatan parkir (Smart Contactless Parking) adalah sepenuhnya dibawah tanggungan pihak penyedia perkhidmatan tanpa meletakkan apa – apa tanggungan kos kepada FAMA.
2. Sekiranya terdapat modifikasi atau baik pulih pada bangunan, pihak penyedia perkhidmatan perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada FAMA.
3. Perjanjian antara FAMA dan pihak penyedia perkhidmatan hanya akan berkesan kepada pihak - pihak yang terkandung dalam perjanjian dan pihak penyedia perkhidmatan perlu mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa seperti mana perjanjian yang telah ditandatangani.
4. Penyedia perkhidmatan tidak boleh membuat sebarang tuntutan kos penyelenggaraan, kos ganti rugi atau apa – apa jenis tuntutan kewangan kepada FAMA.
5. FAMA boleh pada bila – bila masa yang perlu dan dirasakan sesuai untuk menarik balik kebenaran menyedia perkhidmatan parkir melalui notis kepada penyedia perkhidmatan.

